

Artikel

**Penggunaan Media Sosial, Kemahiran Komunikasi dan Penggunaan Teknologi Maklumat dalam Memperkasakan Keusahawanan Bekas Banduan di Malaysia**

*(The Use of Social Media, Communication Skills and Information Technology in Empowering the Entrepreneurship of Former Prisoners in Malaysia)*

Fauziah Ibrahim<sup>1\*</sup>, Siti Noradilah Zainal<sup>2</sup>, Ezarina Zakaria<sup>1</sup>, Wan Shahrazad Wan Sulaiman<sup>1</sup>,  
Mohammad Rahim Kamaluddin<sup>1</sup> & Sheerad Sahid<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Pusat Kajian Psikologi dan Kesejahteraan Manusia, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

<sup>2</sup>Yayasan Habib, Lorong Memanda 2, Selangor, Malaysia.

<sup>3</sup>Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 Bangi Selangor, Malaysia

\*Pengarang Koresponden: [ifauziah@ukm.edu.my](mailto:ifauziah@ukm.edu.my)

Diserah: 28 Mei 2024

Diterima: 26 September 2024

**Abstrak:** Kebanyakan banduan berhadapan dengan cabaran untuk mendapatkan pekerjaan setelah dibebaskan daripada tahanan Penjara. Keusahawanan merupakan salah satu cabang kerjaya yang signifikan untuk diceburi oleh bekas banduan bagi memulakan kerjaya dan kehidupan baharu setelah dibebaskan dari tahanan Penjara. Oleh itu kajian ini dilakukan bertujuan untuk mengenalpasti sejauhmana penggunaan media sosial, kemahiran komunikasi dan kemahiran penggunaan teknologi maklumat bagi menyokong aspek keusahawanan dalam kalangan bekas banduan. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan reka bentuk kuantitatif secara tinjauan keratan-lintang (cross-sectional study). Seramai 354 orang banduan yang telah dibebaskan daripada tahanan tetapi masih berada dalam tempoh pengawasan pihak Jabatan Penjara Malaysia (JPM) telah dipilih sebagai responden kajian. Data kajian dianalisis dengan menggunakan Statistical Package for the Social Science for Windows (SPSS for Windows). Hasil kajian mendapati majoriti bekas banduan mempunyai akaun *facebook* dan *whatsapp*. Manakala selebihnya mempunyai akaun *email*, *youtube*, *tik tok*, *instagram* dan *twitter*. Analisis deskriptif pula mendapati tahap kemahiran komunikasi dan kemahiran penggunaan teknologi maklumat dalam kalangan banduan berada pada tahap yang sederhana ke tahap yang tinggi. Hasil kajian ini memberi implikasi kepada pihak yang berkepentingan khususnya kepada Jabatan Penjara Malaysia ke arah keperluan penyediaan pelan strategik untuk pembangunan modul, program-program latihan, pementoran dan kemahiran keusahawanan yang memberi penekanan terhadap aspek meningkatkan komunikasi dan penggunaan teknologi maklumat bagi mempersiapkan peluang pekerjaan dan pembudayaan keusahawanan dalam kalangan bekas banduan

**Kata kunci:** Media sosial; komunikasi; teknologi maklumat; keusahawanan; banduan

**Abstract:** Most convicts face challenges to find employment after being released from Prison. Entrepreneurship is one of the significant fields of work pursued by ex-convicts to start a new career and life after being released from Prison. This study was therefore carried out to identify the extent of the use of social media, communication skills and information technology skills to support entrepreneurial aspects among ex-convicts. The study was conducted using a quantitative cross-sectional study. A total of 354 ex-convicts who

had been released from detention but were still under the supervision of the Prisons Department (JPM) were selected as study respondents. The study data was analysed using the Statistical Package for Social Science for Windows (SPSS for Windows). The study findings indicated that majority of ex-convicts have Facebook and WhatsApp. While the rest have email, YouTube, Tik Tok, Instagram and Twitter accounts. Meanwhile, descriptive analysis found that the level of communication skills and the use of information technology skills among ex-convicts were at a moderate to high level. The study findings have implications for stakeholders, especially the Prisons Department of Malaysia, regarding the need to prepare a strategic plan for the development of modules, training programmes, mentoring and entrepreneurial skills that emphasise improving communication and the use of information technology by providing employment opportunities and inculcating an entrepreneurial culture among ex-convicts.

**Keywords:** social media, communication, information technology, entrepreneurship, prisoners

---

## Pengenalan

Keusahawanan merupakan satu bidang penting yang membantu ke arah perkembangan ekonomi, sosial, mengatasi masalah pengangguran dan berupaya menyediakan peluang pekerjaan kepada masyarakat (Deveci & Seikkula-Leino, 2018; Salwani & Mohd Safani, 2023). Melalui aktiviti keusahawanan, masyarakat berupaya menjana pekerjaan dan menghasilkan pendapatan sendiri (Williams & Hovorka, 2013). Dari lensa ekonomi, peranan keusahawanan sering kali dikaitkan sebagai agen perubahan dan memberi kesan positif kepada ekonomi negara (Sorayah et al., 2017; Nur Anira, et al., 2023). Sauers (2009) dalam kajiannya mendapati banduan yang mengikuti program keusahawanan di Texas dan terlibat dengan program keusahawanan dilihat berjaya merubah diri dan meninggalkan aktiviti jenayah lampau. Mereka juga dilihat berjaya memperolehi pekerjaan (mencapai kadar 80 peratus dalam kalangan mereka) dalam tempoh 30 hari selepas mereka dibebaskan sepenuhnya daripada tahanan penjara. Kajian yang dijalankan oleh Fauziah, et al. (2016) pula mendapati majoriti banduan parol menunjukkan ciri-ciri keusahawanan yang positif dan memberi implikasi ke arah keperluan mewujudkan modul pengurusan dan kemahiran keusahawanan di penjara.

Manakala kajian yang dijalankan oleh Cooney (2012) pula mendapati kebanyakan penjara kurang menerapkan modul keusahawanan yang boleh memberi kemahiran kepada banduan untuk membina personaliti dan kerjaya dalam bentuk peniagaan sendiri bagi meneruskan kehidupan setelah dibebaskan sehingga menyebabkan banduan terlibat semula dengan kegiatan yang menyalahi undang-undang negara. Proses pemenjaraan itu sendiri dilihat telah memberi impak yang sangat tinggi ke atas seseorang banduan. Secara langsung, mereka telah kehilangan pekerjaan, harta benda, keupayaan mengekalkan tempat tinggal untuk diri dan keluarga, keretakan hubungan kekeluargaan dan juga kehilangan jaringan sosial (Rosemary & Taylor, 2018). Ditambah pula dengan keupayaan diri yang serba kekurangan seperti tahap pendidikan yang rendah, kurang kemahiran, kurangnya sokongan sosial dan psikologi daripada keluarga akan merumitkan lagi proses pengintegrasian semula banduan ke dalam masyarakat (Brown, 2011; Goofstein, 2019).

Dalam konteks ini, bekas banduan akan menghadapi kesukaran untuk memutuskan kitaran bebas daripada jenayah, malah lebih cenderung untuk terlibat semula dengan kegiatan lama yang menyalahi undang-undang dan kembali semula ke penjara (Griffiths et al., 2007; Sheppard & Ricciardelli, 2020). Sonfield (2009) yang menjalankan kajian ke atas banduan mendapati bekas-bekas pengedar dadah yang pernah menjadi tahanan dan menjalani hukuman di Penjara mempunyai kemahiran keusahawanan dan pengurusan yang tinggi. Kajian menyimpulkan bahawa sekiranya bekas-bekas banduan ini diberi peluang untuk memulakan perniagaan dan dibimbing oleh pihak yang berkepentingan dalam bidang berkenaan, mereka dilihat berpotensi tinggi untuk berjaya dalam bidang keusahawanan dan meninggalkan kegiatan jenayah yang pernah dilakukan terdahulu (Armanurah et al, 2017). Keusahawanan membolehkan individu memulakan perniagaan mereka sendiri dan bangkit daripada stigma dan diskriminasi yang mereka hadapi di pasaran pekerjaan (Ike et al., 2023; Ciptono et al., 2023).

Di Barat, program keusahawanan seperti "*Inmates to Entrepreneurs*" dilihat berkesan dan berjaya meningkatkan personaliti dan keyakinan diri, memberikan pendidikan, latihan, kemahiran serta mengubah

status kehidupan bekas banduan yang mempunyai latar belakang jenayah dan pernah dipenjarakan. Oleh itu aspek keusahawanan dalam kalangan bekas banduan wajar dikaji bagi menyokong usaha ke arah pembentukan kerjaya dan peluang pekerjaan melalui aktiviti keusahawanan dalam kalangan bekas banduan. Justeru itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenalpasti sejauhmana tahap penggunaan media sosial, kemahiran komunikasi dan kemahiran penggunaan teknologi maklumat bagi menyokong aspek keusahawanan dalam kalangan bekas banduan.

## Sorotan Literatur

### 1. Penggunaan Media Sosial

Media sosial merupakan aplikasi berasaskan internet yang digunakan secara dalam talian serta membolehkan para pengguna untuk berkongsi maklumat dan memudahkan urusan peribadi atau pekerjaan (Anita et al., 2021; Kaplan, 2010). Jaringan media sosial bersifat interaktif dan memainkan peranan penting dalam menyampaikan komunikasi serta dianggap sebagai medium berkesan dalam penyampaian mesej dan maklumat secara pantas kepada masyarakat. Di Malaysia, penggunaan *Instagram*, *Facebook* dan *Twitter* merupakan platform media sosial yang paling popular penggunaannya (Anita et al., 2021). Data dan statistik yang dikeluarkan oleh Date Reportal: Global Digital Insight (2023) mendapati penggunaan media sosial di Malaysia sehingga bulan Januari 2023 adalah seramai 26.8 juta orang iaitu 78.5 peratus daripada jumlah penduduk. Berdasarkan statistik berkenaan, media sosial yang telah mencatatkan penggunaan jumlah tertinggi adalah *Whatsapp* (93.3 peratus), *Facebook* (88.7 peratus) dan *Instagaram* (79.3 peratus).

Selain berperanan dalam menyampaikan mesej, media sosial juga merupakan platform penting kepada usahawan dalam mempromosi dan memasarkan aktiviti perniagaan. Kajian yang dijalankan oleh Utami et al. (2012) mendapati laman sosial *Facebook* telah digunakan oleh kebanyakan pengguna sebagai platform untuk mereka menjalankan perniagaan dan menjana pendapatan yang lumayan. Pemasaran *Facebook* juga bukan sahaja memberi laluan kepada pengusaha untuk melakukan aktiviti pemasaran tetapi dapat berinteraksi bersama pelanggan maya dengan lebih efektif dan pantas (Muttaqin, 2011). Menurut Triyaningsih (2012), laman sosial *Facebook* misalnya memberikan kesan besar dalam pengiklanan, medium yang paling berkesan dalam menyampaikan mesej dan maklumat tentang kewujudan produk-produk baharu di dalam pasaran. Walaupun wujud beberapa halangan dalam penggunaan media sosial, namun pelaksanaan pemasaran melalui media sosial dilihat boleh mewujudkan peluang kepada penggunaan untuk memasarkan produk yang lebih meluas disebabkan oleh penggunaannya yang tidak memerlukan pelaburan kewangan yang besar dengan kos pelaksanaan yang rendah (Michaelidou et al., 2011).

### 2. Kemahiran Komunikasi

Kemahiran interpersonal dan hubungan manusia adalah sesuatu yang amat penting. Menurut Hussain Abbasi et al. (2011), komunikasi yang berkesan merupakan komunikasi yang memainkan peranan penting dalam membina kemahiran keusahawanan dan kepimpinan. Dalam kajian yang dijalankan oleh McGloin et al. (2023) mereka turut mendapati bahawa aspek komunikasi, kepimpinan dan kemahiran keusahawanan tidak dapat dipisahkan jika ingin membina potensi penuh individu untuk berjaya dalam akademik dan kehidupan professional. Komunikasi bisnes yang baik akan mendatangkan keuntungan dalam sesuatu perniagaan, manakala komunikasi bisnes yang kurang baik akan memberikan kesan negatif sebaliknya (Djervida et al., 2020). Abdullah dan Ainon (2002) pula menyifatkan kemahiran komunikasi interpersonal sebagai kemahiran yang memfokus kepada aspek tertentu seperti kemahiran mendengar, kemahiran bertanya, kemahiran bertutur, kemahiran memberi maklum balas, unsur bahasa, mengubah sikap dan tingkah laku, penampilan dan komunikasi bukan lisan.

Lailawati dan Sidek (2000) dalam kajiannya menekankan tentang kepentingan kemahiran komunikasi sebagai satu kemahiran yang amat dititik-beratkan kebanyakan majikan dalam mencari calon-calon yang layak dan bersesuaian dengan kriteria yang dikehendaki. Kebanyakan majikan meletakkan kemahiran komunikasi sebagai kemahiran yang paling penting sebagai persediaan untuk memasuki alam pekerjaan khususnya dalam bidang keusahawanan (Dimitriadis & Koning, 2022). Oleh itu, tindakan memulakan perniagaan memerlukan

strategi komunikasi yang berkesan bagi memudahkan mereka mengurus cabaran, melebarkan pemasaran dan seterusnya mendapatkan sokongan perniagaan daripada pelbagai pihak (Ji et al., 2022; Morits et al., 2022). Berdasarkan kajian-kajian terdahulu tersebut, kemahiran komunikasi dikenalpasti sebagai komponen kemahiran dalam bidang keusahawanan yang sangat penting dan memberi kesan terhadap aktiviti keusahawanan yang dilakukan. Kemahiran ini juga boleh digunapakai untuk meningkatkan kebolehpkerjaan dalam kalangan bekas banduan di samping memperkasakan diri, minda keusahawanan dan karakteristik seseorang bekas banduan.

### 3. Kemahiran Penggunaan Teknologi Maklumat

Kriz dan Qureshi (2009) mentakrifkan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) sebagai alat yang menyumbang kepada penjana pertumbuhan ekonomi sesebuah negara. Manakala Faradillah dan Samsudin (2015) berpendapat dalam era masa kini, terdapat ramai usahawan menggunakan aplikasi atas talian seperti blog, *Facebook*, *Instagram* dan juga aplikasi e-perniagaan untuk meningkatkan perniagaan dan secara tidak langsung memudahkan urusan jual beli barangan. Teknologi maklumat juga dilihat membantu dalam perolehan sumber-sumber maklumat dengan mudah dalam keadaan tersedia tanpa mengira tempat dan masa (Chan, 1999). Teknologi maklumat juga merupakan platform urus niaga dan pemasaran penting untuk mengerakkan aktiviti pembelian dan mendapatkan maklum balas berkaitan dengan perniagaan (Gunelius, 2011; Faradillah et al., 2022). Menurut Eva-et al. (2019), para usahawan harus memiliki tahap kemahiran ICT yang tinggi. Hasil kajian yang dilakukan oleh Nadia Farhanah dan Norasmah (2020) menunjukkan bahawa usahawan wanita yang berupaya mengaplikasi ICT berkemahiran mencari maklumat terkini dari pelbagai sumber. Mereka juga berupaya memperoleh pelbagai ilmu serta kemahiran berkenaan perniagaan melalui keupayaan untuk mengakses maklumat melalui medium-medium informasi seperti internet, majalah dan surat khabar. Salpiah (2017) turut menekankan bahawa usahawan perlu mengambil manfaat dan merebut peluang perniagaan daripada pelbagai saluran informasi termasuk media massa, radio dan televisyen.

Muhammad Fazil (2018) berpendapat inovasi teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) memainkan peranan sebagai komunikasi yang membawa perubahan dalam masyarakat melalui penyebaran idea dan perkara-perkara baru di luar sempadan, tempat, masa dan lapangan. Keadaan ekonomi global masa kini semakin mencabar. Justeru itu, kepentingan teknologi maklumat dan komunikasi dalam bidang keusahawanan tidak dapat disangkal lagi terutama sekali bagi usahawan industri kecil dan sederhana (IKS) yang harus terus bertahan dengan saingan perniagaan yang semakin meningkat (Ahmad Firdaus & Mohd Rafi, 2017). Setiap pengusaha atau usahawan perlu mempersiapkan diri dengan persiapan yang rapi khususnya dari segi teknologi maklumat, pengurusan strategik, penyelidikan dan pembangunan untuk bersaing dalam dunia perniagaan (Nor Aini, 2003). Kemunculan aplikasi media sosial seperti Facebook dan Instagram yang digunakan hampir seluruh pengguna internet masa kini, terutama sekali ketika berlakunya pandemik atau penularan wabak COVID-19 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) merancakkan lagi perniagaan secara atas talian. Suriatie dan Nur Aishah (2017) menyatakan bahawa pendekatan e-pemasaran amat penting dalam memperkenalkan dan mempromosikan perniagaan agar jualan dan produktiviti ditingkatkan melalui strategi pemasaran melalui penggunaan internet. Sekiranya, tahap kemahiran atau pengetahuan teknologi maklumat adalah lemah, maka peluang untuk memajukan dan mengembangkan lagi perniagaan akan menjadi sia-sia (Morgan et al., 2006).

Berdasarkan kajian terdahulu, pengkaji-pengkaji lepas telah meramalkan kepentingan kemahiran penggunaan teknologi maklumat dan manfaatnya yang dapat membantu para usahawan meningkatkan lagi peluang untuk mengembangkan dan meluaskan lagi perniagaan. Teknologi akan membantu usahawan untuk berfikir secara kreatif dan sentiasa berinovasi untuk memajukan perniagaan dengan menggunakan pengetahuan teknologi maklumat tersebut. Justeru itu, berdasarkan kepentingan penggunaan media sosial dan aspek komunikasi serta kemahiran penggunaan teknologi maklumat dalam keusahawanan, maka kajian ini dilakukan bertujuan untuk (i) mengenal pasti sejauhmana penggunaan media sosial yang digunakan dalam kalangan bekas banduan dan (ii) mengukur tahap kemahiran komunikasi dan kemahiran penggunaan teknologi maklumat dalam kalangan bekas banduan. Hasil kajian dilihat berupaya menyediakan sumber maklumat asas yang penting kepada pemegang taruh ke arah mewujudkan program-program perintis keusahawanan dalam

kalangan bekas banduan sebagai salah satu usaha meningkatkan kadar kebolehpkerjaan dalam kalangan mereka dan seterusnya membantu proses integrasi bekas banduan ke dalam masyarakat.

## Metodologi

### 1. Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk tinjauan keratan-lintang secara kuantitatif. Ia dilakukan secara survei dengan menggunakan borang soal selidik kajian. Menurut Creswell dan Plano (2011), reka bentuk kajian membolehkan pengkaji menentukan langkah serta prosedur mengumpul, menganalisis, menginterpretasi dan melaporkan data yang diperolehi dalam kajian yang dilakukan. Manakala reka bentuk keratan-lintang adalah kaedah pengumpulan data terhadap satu jenis sampel daripada populasi yang dikaji secara sekali sahaja berdasarkan atribut responden yang sedia ada (Malholtra et al., 1996).

### 2. Lokasi Kajian

Kajian ini melibatkan tujuh buah lokasi kajian yang berasingan di negeri-negeri yang terlibat untuk menempatkan banduan yang sedang menjalani program pengawasan di bawah pengendalian pihak Jabatan Penjara Malaysia. Sebanyak lima buah zon dan penjara yang dipilih bagi mewakili setiap zon yang terlibat dalam penentuan lokasi adalah seperti berikut:

- i. Pejabat Parol Zon Selatan : Johor
- ii. Pejabat Parol Zon Timur : Terengganu
- iii. Pejabat Parol Zon Tengah : Selangor dan Negeri Sembilan
- iv. Pejabat Zon Utara : Pulau Pinang dan Kedah
- v. Pejabat Zon Sabah/Sarawak : Sabah

Justifikasi kesemua Pejabat Parol di negeri-negeri yang dipilih dalam kajian ini merujuk kepada asas bilangan dan jumlah bekas banduan yang tinggi berbanding negeri yang lain serta memudahkan kajian lapangan dijalankan bagi mendapatkan sampel kajian yang mencukupi.

### 3. Populasi dan Persampelan Kajian

Populasi didefinisikan sebagai sekumpulan individu, kumpulan atau organisasi yang dikaji oleh seseorang pengkaji dalam kajian yang hendak dilakukan (Frankfort & Nachmias, 2000). Dalam kajian ini, populasi merujuk kepada banduan yang telah dibebaskan atau dipanggil sebagai orang yang diparol (ODP) yang sedang berada dibawah pengawasan pihak Jabatan Penjara Malaysia (JPM). Statistik yang diperolehi daripada Jabatan Penjara Malaysia menunjukkan bahawa jumlah banduan parol pada tahun 2022 adalah seramai 2,434 orang. Penentuan saiz sampel bagi kajian ini ditentukan berdasarkan kepada jadual persampelan kajian yang dirangka oleh Cohen et al. (2001) dengan mengambil kira aras kesignifikanan pada  $p < .05$  (aras keertian = 95 peratus). Menurut jadual penentuan saiz sampel yang disediakan oleh Cohen et al. (2001), sekiranya populasi bagi sesuatu kajian ialah 2,434 orang dan aras kesignifikanan yang diperlukan ialah .05, maka bilangan responden yang diperlukan ialah seramai 322 orang. Saiz sampel kemudiannya perlu dimaksimumkan supaya ralat persampelan dapat dikurangkan (Tuckman, 1988). Sebanyak 32 orang responden (10 peratus) ditambah kepada saiz sampel asal dan menjadikan jumlah keseluruhan sampel menjadi 354 orang. Hal ini adalah kerana ia bertujuan untuk menampung sekiranya berlaku keciciran disebabkan oleh kesilapan pengisian borang kaji selidik oleh responden atau keciciran yang berlaku atas kecuaiian pengkaji. Mohamad Najib (1999) berpendapat bahawa membesarkan saiz sampel berupaya untuk meninggikan kesahan dan kebolehppercayaan skor sesuatu kajian.

### 4. Instrumen Kajian

Instrumen kajian adalah alat yang sah dan mempunyai kebolehppercayaan untuk memungut data bagi menjawab persoalan kajian (Noraini, 2013). Selain itu, instrumen kajian merupakan soal selidik yang direka khas untuk mengumpul data terhadap kajian yang dilakukan. Dalam kajian ini, borang soalselidik kajian terdiri daripada beberapa bahagian seperti berikut:

Bahagian A: Penggunaan Akaun Media Sosial: Bahagian ini adalah untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan akaun media sosial yang digunakan oleh bekas banduan. Responden diminta untuk membuat pilihan dengan cara menanda (✓) pada kotak yang disediakan berdasarkan pernyataan item yang sesuai dengan pengalaman diri mereka.

Bahagian B: Kemahiran Komunikasi: Bahagian ini mengandungi sembilan (9) soalan yang berkaitan kemahiran komunikasi bekas banduan. Kemahiran komunikasi merujuk aspek kemahiran yang dimiliki bekas banduan untuk berinteraksi dan berhubungan dengan orang lain bagi tujuan melakukan aktiviti keusahawanan seperti berupaya bercakap di khalayak, percakapan yang boleh difahami oleh orang sekeliling, berupaya berkongsi idea/pendapat dengan orang lain, boleh mempengaruhi orang lain melalui percakapan mereka dan pengenalpastian untuk menentukan kemampuan mereka berkomunikasi dengan lancar. Bagi mengukur tahap kemahiran komunikasi, skala yang dibentuk oleh Fauziah et al. (2023) digunakan dengan nilai kebolehpercayaan yang tinggi iaitu 0.889.

Bahagian C: Kemahiran Penggunaan Teknologi Maklumat: Bahagian ini mengandungi tujuh (7) soalan yang berkaitan kemahiran penggunaan teknologi maklumat dalam kalangan bekas banduan. Kemahiran penggunaan teknologi maklumat merujuk aspek kemahiran menggunakan komputer, keupayaan mencari maklumat menggunakan internet dan emel untuk perkongsian maklumat, kebolehan menggunakan media sosial seperti *Facebook* dan keupayaan membuat transaksi atau pembayaran secara atas talian. Bagi mengukur tahap kemahiran penggunaan teknologi maklumat, skala yang dibentuk oleh Fauziah et al. (2023) digunakan dengan nilai kebolehpercayaan yang tinggi iaitu 0.921.

Kedua-dua jenis item yang digunakan dalam kajian ini berbentuk Likert empat skala di mana pilihan-pilihannya disusun mengikut kesesuaian iaitu (1) sangat tidak setuju, (2) tidak setuju, (3) setuju dan (4) sangat setuju. Tahap kemahiran komunikasi dan kemahiran penggunaan teknologi maklumat dalam kalangan bekas banduan diukur berpandukan kepada jadual interpretasi skor min seperti Jadual 1 berikut:

Jadual 1.-Jadual interpretasi skor min untuk pengukuran tahap kemahiran komunikasi dan kemahiran penggunaan teknologi maklumat dalam kalangan bekas banduan

Skor Min	Interpretasi Skor min
<.20	Tahap rendah
2.01-3.00	Tahap sederhana
3.01-4.00	Tahap tinggi

## 5. Proses Pengumpulan data


Proses pengumpulan data dimulakan dengan mengambil langkah membuat permohonan untuk mendapatkan kebenaran dan kelulusan etika daripada Ketua Pengarah, Jabatan Penjara Malaysia bagi menjalankan kerja-kerja pengutipan data. Selepas permohonan menjalankan kajian diluluskan oleh Ketua Pengarah Penjara urusan menghubungi pihak Penjara di bawah pengurusan Pejabat Parol dilakukan bagi menetapkan tarikh yang bersesuaian untuk kerja-kerja pengumpulan data berdasarkan jumlah responden yang telah ditetapkan mengikut negeri/zon. Setelah persetujuan kedua-dua pihak dicapai maka kajian dilakukan mengikut persetujuan dan tarikh yang telah diatur. Bagi tujuan pengumpulan data di Pejabat Parol Malaysia, sesi taklimat telah diberikan kepada Pegawai Parol yang bertugas dan responden yang terlibat dalam kajian sebelum kerja-kerja pengutipan data dilaksanakan. Sesi taklimat ini adalah penting bagi memastikan semua maklumat dalam borang soal selidik difahami, dilengkapi dengan baik dan kerja-kerja pengutipan data dilaksanakan dengan lebih teratur.

## 6. Analisis Data

Data yang diperolehi daripada kajian telah dianalisis menggunakan “*Statistical Package for the Social Science for Windows*” (*SPSS for Windows*). Terdapat beberapa jenis analisis statistik digunakan dalam kajian ini seperti analisis dekriptif iaitu untuk mengenal pasti penggunaan media sosial yang digunakan dalam kalangan bekas banduan dan mengukur tahap kemahiran komunikasi dan kemahiran penggunaan teknologi maklumat dalam kalangan bekas banduan.

## Hasil Kajian dan Perbincangan

Menurut Mohd Hafizie dan Norshuhada (2017), media sosial merupakan medium penting dalam mempromosi barang jualan dan elemen pemasaran yang berkaitan dengan perniagaan dan aktiviti keusahawanan. Hampir 3.8 bilion orang pengguna menggunakan media sosial di seluruh dunia (Bansal & Saini, 2022). Hasil kajian yang dijalankan ke atas 354 orang bekas banduan bagi mengenal pasti penggunaan akaun media sosial yang digunakan oleh mereka menunjukkan bahawa majoriti dalam kalangan bekas banduan mempunyai akaun media sosial seperti *Facebook* (76.8 peratus) dan akaun *WhatsApp* (78.5 peratus) berbanding dengan akaun media sosial lain (Rajah 1). Penggunaan akaun *Facebook* yang tinggi dalam kalangan bekas banduan berkemungkinan disebabkan oleh *Facebook* merupakan platform media sosial paling berpengaruh serta mempunyai pengguna yang tertinggi di dunia berbanding dengan media sosial yang lain (Mohd Zaidi & Bahiyah, 2017). Walaubagaimanapun kajian lanjutan berbentuk kualitatif untuk mengetahui pemilihan penggunaan facebook dalam kalangan bekas banduan perlu diterokai.



Rajah 1. Penggunaan akaun media sosial dalam kalangan banduan

Selain *Facebook* dan *WhatsApp*, kajian seterusnya mendapati sejumlah 46 peratus dalam kalangan bekas banduan mempunyai akaun email, 37 peratus mempunyai akaun *youtube*, 35.9 peratus mempunyai akaun *Tik Tok*, 28.5 peratus mempunyai akaun *Instagram* dan 12.1 peratus memiliki akaun *Twitter*. Analisis kajian ini menggambarkan majoriti bekas banduan yang terlibat dalam kajian ini sudah memiliki akaun *facebook* dan menggunakan *whatsApp* dalam menyampaikan maklumat. Pemilikan akaun media sosial seperti *facebook* ini membolehkan mereka dibimbing untuk meluaskan rangkaian perniagaan dan jualan sekiranya diberikan latihan kemahiran keusahawanan yang bersesuaian oleh pihak yang berkepentingan. Menurut Utami et al. (2012) laman sosial *Facebook* merupakan platform yang digunakan oleh kebanyakan pengguna di media sosial untuk tujuan aktiviti perniagaan dan menjana pendapatan yang lumayan. Manakala Mohd Zaidi dan Bahiyah (2017) juga memberi pandangan yang selari dan mendapati facebook sebagai platform media sosial paling berpengaruh serta mempunyai pengguna yang tertinggi di dunia berbanding dengan media sosial yang lain.

Selain faktor kebolehlihatan (*visibility*), media sosial dianggap sebagai platform tepat bagi mereka yang ingin membina perniagaan (Lim, 2011; Azhar & Akhtar, 2020). Media sosial juga berupaya memberi manfaat dan impak besar kepada mereka yang menceburi bidang keusahawanan sebagai saluran perniagaan dan pemasaran yang kompetitif (Secundo et al., 2020; Islam & Ozuem, 2019) dan platform yang strategik untuk melebar luas jaringan perniagaan di serata dunia (Stieglitz et al., 2018). Manakala Triyaningsih (2012) menyatakan laman sosial *Facebook* memberikan kesan besar dalam pengiklanan, dianggap sebagai medium yang paling berkesan dalam menyampaikan maklumat tentang kewujudan produk-produk baharu di dalam pasaran. Justeru itu, program latihan kemahiran menggunakan platform digital media sosial dalam kalangan banduan perlu diwujudkan bagi membantu meningkatkan kemahiran media sosial dalam kalangan bekas banduan.

### 1. Tahap Kemahiran Komunikasi Bekas Banduan

Dalam kajian ini, kemahiran komunikasi merujuk kepada kemahiran yang dimiliki bekas banduan untuk berinteraksi dan berhubungan dengan orang lain untuk tujuan melakukan aktiviti keusahawanan. Hasil kajian menunjukkan bahawa majoriti daripada 354 orang banduan parol di Malaysia yang terlibat dengan kajian ini mempunyai tahap kemahiran komunikasi yang sederhana (72 peratus) ke tahap yang tinggi (24.6 peratus). Hanya 3.4 peratus dalam kalangan bekas banduan memiliki tahap kemahiran komunikasi yang rendah dan perlu dipertingkatkan. Hasil kajian ini menggambarkan bahawa tahap kemahiran komunikasi yang sederhana ke tahap yang tinggi ini adalah memuaskan untuk membolehkan mereka digilap untuk menceburi bidang keusahawanan melalui program latihan kemahiran interpersonal dan komunikasi berkesan. Jadual 2 menunjukkan rumusan terhadap peratusan tahap kemahiran komunikasi yang diperolehi dalam kalangan bekas banduan.

Jadual 2. Tahap kemahiran komunikasi dalam kalangan bekas banduan

Tahap	n=354	Peratus (%)
Rendah	12	3.4
Sederhana	255	72
Tinggi	87	24.6
<b>Jumlah</b>	<b>354</b>	<b>100</b>

Nota: Tahap rendah (1.00 – 2.00) Tahap Sederhana (2.01 – 3.00) Tahap Tinggi (3.01-4.00)

Secara terperinci, kajian mendapati 93.3 peratus bekas banduan yang terlibat dalam kajian ini mengakui bahawa dalam berkomunikasi, kebiasaannya mereka akan berfikir dahulu sebelum berkata-kata (item 1-Jadual 3). Dapatan kajian ini menunjukkan majoriti bekas banduan berhati-hati dalam berkomunikasi bagi mengelak konflik dalam penyampaian maklumat. Kajian juga mendapati sejumlah 91.2 peratus dalam kalangan bekas banduan mengakui bahawa apa yang dikatakan oleh mereka boleh difahami oleh orang lain (item 2) dan sejumlah 82 peratus daripada bekas banduan menyatakan bahawa mereka sentiasa berkongsi idea dan pendapat dengan orang lain (item 3). Data yang diperolehi juga menunjukkan bahawa kebanyakan bekas banduan mempunyai kemahiran komunikasi yang baik apabila sejumlah 81.4 peratus daripada mereka menyatakan bahawa percakapan mereka membuatkan orang lain selesa (item 4), berkebolehan berkomunikasi dengan lancar (80.6 peratus - item 5), yakin bahawa orang akan mendengar dan memberi tumpuan apabila mereka bercakap (80 peratus-item 6). Kajian juga mendapati sejumlah 70 peratus dalam kalangan bekas banduan yakin untuk bercakap di hadapan orang ramai (item 7) dan 69.5 peratus mengakui bahawa apabila mereka bercakap, orang yang mendengar akan percaya dan terpengaruh (item 8).

Walau bagaimanapun, hanya 46.6 peratus dalam kalangan bekas banduan mengakui mempunyai keupayaan untuk bertutur lebih daripada satu bahasa (item 9) dan selebihnya iaitu 53.4 peratus hanya mahir dengan satu bahasa sahaja. Hasil dapatan ini menyarankan agar program latihan kemahiran penguasaan pelbagai bahasa atau pendedahan bahasa kedua wajar dibangunkan oleh pihak yang berkepentingan untuk memperkasa diri bekas banduan dan seterusnya membolehkan mereka menjalani tempoh pengawasan dengan pengisian ilmu dan kemahiran yang memberi nilai tambah kepada jatidiri dan keterampilan berkomunikasi



dalam kalangan mereka. Hakikat mengetahui bahawa kebanyakan bekas banduan terdiri daripada mereka yang mempunyai pendidikan yang rendah dan ada antaranya yang tidak berpeluang menerima pendidikan dan melanjutkan pengajian sama ada di sekolah rendah mahupun menengah. Oleh itu, keberadaan mereka sepanjang tempoh pemenjaraan merupakan platform terbaik untuk meningkatkan dan memperkasa jatidiri mereka ke arah pembentukan modal insan yang berilmu dan seterusnya sebagai persediaan membina kerjaya dan kehidupan yang baharu setelah dibebaskan.

Jadual 3. Taburan peratusan item kemahiran komunikasi dalam kalangan bekas banduan

	Item	Sangat Tidak Setuju	Kurang Setuju	Setuju	Sangat Setuju	Min
		Peratus (%)	Peratus (%)	Peratus (%)	Peratus (%)	
1.	Saya berfikir dahulu sebelum bercakap.	0	6.7	68.4	24.9	3.18
2.	Orang boleh faham apa yang saya cakap.	0.3	8.5	67.2	24.0	3.15
3.	Saya selalu berkongsi idea/pendapat dengan orang lain.	2.0	16.0	63.6	18.4	2.98
4.	Percakapan saya membuatkan orang lain selesa.	1.4	17.2	66.1	15.3	2.95
5.	Kebiasaannya, saya akan bercakap dengan Bahasa.	2.3	17.2	65.3	15.3	2.94
6.	Orang akan mendengar/beritumpuan bila saya bercakap.	2.8	17.2	68.6	11.4	2.88
7.	Saya boleh bercakap di khalayak ramai.	2.0	27.7	54.5	15.8	2.84
8.	Bila saya bercakap, orang akan percaya/terpengaruh	2.0	28.5	58.8	10.7	2.78
9.	Saya boleh bercakap lebih dari satu bahasa.	12.1	41.2	34.5	12.1	2.47

Noor Afzaliza dan Maizatul (2021) menyatakan bahawa selain keterampilan peribadi, keterampilan berkomunikasi juga merupakan aspek penting dalam pasaran dunia pekerjaan. Kemahiran komunikasi adalah kemampuan untuk berkomunikasi secara berkesan dengan orang lain dan menggambarkan kualiti keperibadian seseorang individu (Devito, 2013; Muhammad Khaled et al., 2019). Hussain Abbasi et al. (2011) dalam kajiannya pula menyatakan komunikasi yang berkesan merupakan komunikasi yang memainkan peranan penting dalam membina kemahiran keusahawanan dan karakter seorang pemimpin. Dalam kajian yang dijalankan oleh mereka turut menunjukkan bahawa komunikasi, kepimpinan dan kemahiran keusahawanan tidak dapat dipisahkan jika ingin membina potensi penuh individu untuk berjaya dalam dalam kerjaya yang berkaitan dengan keusahawanan. Komunikasi perniagaan yang baik akan mendatangkan keuntungan (Kalogiannidis, 2020; Bell & Martin, 2019). Oleh itu, program bimbingan, latihan dan kemahiran komunikasi berkesan wajar didedahkan kepada bekas banduan khususnya mereka yang telah disaring dan dikenaplasti mempunyai minat untuk mengembangkan kerjaya sebagai seorang usahawan. Dengan penguasaan ilmu komunikasi yang baik berupaya menjadikan bekas banduan seorang yang berupaya mengamalkan etika perniagaan yang lebih profesional sebagai persediaan berhadapan dengan pelanggan, pihak pembekal, pekerja, rakan perniagaan dan juga pihak media yang secara tidak langsung membantu melonjakkan perniagaan yang akan mereka ceburi kelak.

## 2. Tahap Kemahiran Penggunaan Teknologi Maklumat

Dalam kajian ini, teknologi maklumat merujuk kepada aspek pengetahuan menggunakan teknologi maklumat seperti kemahiran menggunakan komputer, mencari maklumat menggunakan internet dan emel untuk perkongsian maklumat serta pengetahuan menggunakan media sosial seperti *Facebook*. Data yang diperolehi

menunjukkan tahap pengetahuan teknologi maklumat dalam kalangan 354 orang banduan parol di Malaysia yang terlibat dengan kajian ini adalah berada pada tahap yang sederhana (63.3 peratus) ke tahap yang tinggi (26.8 peratus). Hanya sejumlah 9.9 peratus daripada mereka mempunyai tahap pengetahuan teknologi maklumat yang rendah. Jadual 4 merumuskan hasil kajian yang diperolehi berkaitan dengan tahap kemahiran penggunaan teknologi maklumat dalam kalangan bekas banduan.

Jadual 4. Tahap kemahiran penggunaan teknologi maklumat dalam kalangan bekas banduan

Tahap	n=354	Peratus (%)
Rendah	35	9.9
Sederhana	224	63.3
Tinggi	95	26.8
<b>Jumlah</b>	<b>354</b>	<b>100</b>

Nota: Tahap rendah (1.00 – 2.00) Tahap Sederhana (2.01 – 3.00) Tahap Tinggi (3.01-4.00)

Berdasarkan kehidupan dalam era digital masa kini, penggunaan teknologi maklumat memainkan peranan penting dalam membentuk persekitaran perniagaan baharu yang berlandaskan kepada platform ICT (Nur Ajeerah et al., 2017). Ia juga merupakan platform bagi melonjak dan meningkatkan prestasi jualan sesuatu perniagaan (Suriyani, et al. 2017). Secara terperinci, kajian yang dijalankan ke atas 354 orang bekas banduan mendapati sejumlah 91 peratus dalam kalangan mereka dikenali pasti berkebolehan menghantar mesej bergambar kepada orang lain (item 1) dan mahir menggunakan telefon untuk tujuan komunikasi (87.6 peratus – item 2). Analisis kajian juga mendapati sejumlah 87.6 peratus dalam kalangan mereka mahir menggunakan media sosial seperti *Facebook*, berkebolehan membuat transaksi atau pembayaran secara atas talian/online (76.9 peratus - item 4) dan berkeupayaan mencari maklumat dengan menggunakan saluran media sosial internet (item 5).

Menurut kajian yang dijalankan oleh Faradillah et al. (2015), penggunaan internet merupakan pemangkin dalam memperkasa usahawan terutamanya dalam perniagaan yang dibuat secara atas talian. Perniagaan secara atas talian atau e-dagang ini telah dianggap sebagai satu bentuk medium perniagaan terkini dan popular yang banyak diaplikasikan oleh masyarakat pada masa kini (Siti Haniah, 2015; Mohd Syamezie et al., 2021). Manakala kajian yang dijalankan oleh Melissa et al. (2015) membuktikan bahawa penggunaan internet sebagai medium komunikasi yang telah menghasilkan keuntungan ekonomi yang baik dalam aktiviti yang berkaitan dengan keusahawanan. Oleh itu, pengetahuan, penguasaan dan kemahiran dalam menggunakan teknologi maklumat amat penting untuk diberikan pendedahan melalui latihan dan bimbingan ke arah usaha untuk melahirkan usahawan yang berkemahiran dalam kalangan bekas banduan.

Seterusnya, kajian ini juga mendapati sejumlah 62.1 peratus dalam kalangan bekas banduan berkebolehan menggunakan platform seperti emel bagi tujuan perkongsian maklumat (item 6). Atribut yang dikenali pasti melalui kajian ini telah memberikan maklumat dan data penting kepada pihak yang berkepentingan untuk menyediakan program perintis asas keusahawanan kepada bekas banduan dengan memberi pendedahan kepada aspek latihan kemahiran penggunaan teknologi maklumat bagi membantu menggilap bakat dan potensi mereka ke arah memulakan kerjaya yang berkaitan dengan keusahawanan atau perniagaan secara digital. Walau bagaimanapun, hasil kajian juga mendapati aspek kemahiran menggunakan komputer perlu diberikan perhatian. Ini kerana kajian menunjukkan, hanya 54.2 peratus sahaja dalam kalangan bekas banduan yang dikenali pasti mempunyai kebolehan dan mahir dalam menggunakan alat teknologi tersebut dan selebihnya iaitu 45.8 peratus tidak mempunyai kemahiran untuk menggunakan komputer (item 7). Penguasaan dan transformasi digital dilihat membantu menambah nilai kemahiran seseorang usahawan dan berupaya memberi perubahan kepada amalan perniagaan seperti strategi perniagaan, struktur dan operasi dalam menjalankan perniagaan (Bharadwaj et al., 2013). Oleh itu, penguasaan dan latihan kemahiran ke arah mengoptimalkan penggunaan ICT sebagai medium komunikasi perniagaan serta platform pemasaran yang lebih berdaya saing wajar diperkenalkan dalam kalangan bekas banduan melalui pembangunan modul-modul latihan intensif yang melonjakkan aspek kemahiran dalam bidang keusahawanan.

Jadual 5. Taburan peratusan item kemahiran penggunaan teknologi maklumat

Item	Sangat Tidak Setuju	Kurang Setuju	Setuju	Sangat Setuju	Min
	Peratus (%)	Peratus (%)	Peratus (%)	Peratus (%)	
Saya:					
1. berkebolehan menghantar mesej bergambar kepada orang lain	1.4	7.6	67.8	23.2	3.13
2. mahir gunakan telefon untuk tujuan komunikasi	2.8	9.6	68.1	19.5	3.04
3. mahir gunakan media sosial seperti <i>Facebook</i>	3.4	14.1	59.6	22.9	3.02
4. mahir membuat transaksi/pembayaran secara atas talian/ <i>online</i>	5.9	17.2	55.1	21.8	2.93
5. berupaya cari maklumat menggunakan internet	6.2	21.8	58.2	13.8	2.80
6. mahir gunakan email untuk tujuan perkongsian maklumat	6.8	31.1	49.7	12.4	2.68
7. mahir menggunakan komputer	8.8	37.0	46.3	7.9	2.53

## Kesimpulan

Kesimpulannya, artikel ini membincangkan tentang penggunaan media sosial dalam kalangan bekas banduan termasuk berkaitan dengan aspek kemahiran komunikasi dan penggunaan teknologi maklumat yang digunakan dalam kalangan mereka. Hasil kajian mendapati majoriti bekas banduan yang sedang menjalani program pengawasan di luar Penjara mempunyai akaun *Facebook* dan *Whatsapp* dan dilihat berpotensi untuk diperkasakan ke arah pembangunan aktiviti kemahiran keusahawanan. Analisis deskriptif yang dijalankan juga mendapati tahap kemahiran komunikasi dan kemahiran penggunaan teknologi maklumat bekas banduan berada pada tahap yang sederhana ke tahap yang tinggi. Keputusan kajian ini memberi implikasi penting kepada pihak yang berkepentingan khususnya kepada pihak Jabatan Penjara Malaysia dan pihak-pihak yang berkepentingan lain yang berperanan menyediakan program latihan kemahiran keusahawanan.

Dalam usaha untuk membangunkan program keusahawanan masa depan yang berstruktur dan komprehensif dalam aspek latihan media sosial dan teknologi maklumat kepada bekas banduan, program kemahiran digital dan media sosial untuk keusahawanan bekas banduan wajar diwujudkan dengan kerjasama pihak industri seperti *Malaysia Digital Economy Corporation* (MDEC) melalui program eUsahawanan. Program ini dicadangkan bertujuan untuk memberi pendedahan kemahiran kepada bekas banduan untuk mengenali dan menguasai dunia digital dengan memasarkan produk-produk perniagaan mereka melalui platform media sosial. Hasil kajian ini juga keseluruhannya dapat dimanfaatkan untuk penyediaan program-program latihan, pementoran dan kemahiran keusahawanan yang memberi penekanan terhadap aspek meningkatkan komunikasi dan kemahiran penggunaan teknologi maklumat bagi memperkasa diri, kerjaya dan pembudayaan keusahawanan dalam kalangan bekas banduan dan secara tidak langsung usaha ini menyokong Teras Strategik 1 Dasar Keusahawanan Nasional (DKN) yang bermatlamat untuk membudayakan keusahawanan dalam segenap lapisan masyarakat.

**Penghargaan:** Kajian ini telah mendapat sokongan dan pembiayaan daripada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) melalui Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS), kod penyelidikan FRGS/1/2021/SS0/UKM/02/10. Ucapan penghargaan juga ditujukan kepada KPT, Jabatan Penjara Malaysia dan Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM serta semua yang telah menjayakan kajian ini.

**Konflik Kepentingan:** Penulis mengaku tiada konflik kepentingan dalam kajian ini.

## Rujukan

- Azhar, M., & Akhtar, M. J. (2020). Social media: A catalyst for entrepreneurship and marketing. *South Asian Journal of Marketing & Management Research*, 10(11), 62–70. <https://doi:10.5958/2249-877X.2020.00087.9>.
- Ahmad, F., M.F. & Mohd, R., Y. (2017). Psikologi usahawan: Peranan motivasi kepada penciptaan perniagaan baharu E-Dagang. *Journal of Business and Social Development*, 5(1), 49-59. <https://doi.org/10.47252/teniat.v5i1.276>
- Armanurah, M., Syaima, R., Abdul R., A., Ismail, T. & Haitham, A. (2017). Shaping Convicts to Become Potential Entrepreneurs. *International Journal of Economic Research*, 94(19), 395-401. <https://repo.uum.edu.my/id/eprint/26041>
- Anita, T. (1997). *Communication, Englewood*. Prentice.
- Anita, I., Farah, L. M. & Sakinah, A. (2021). Penggunaan Media Sosial dan Kesejahteraan Penggunaan Menurut Islam. *Prosiding Seminar Antarabangsa Islam dan Sains, Wawasan Kemakmuran Bersama 2023*. Universiti Sains Islam Malaysia. <https://oarep.usim.edu.my/handle/123456789/18494>
- Brown, C. (2011). Vocational psychology and ex-offenders reintegration: A call for action. *Journal of Career Assessment*, 19(3), 333-342. <https://doi.org/10.1177/10690727103955>
- Bell, R. L & Martin, J. C. (2019). *Managerial Communication for Organizational Development*. Business Expert Press.
- Bharadwaj, A.S., & Pavlou, P. A. (2013). Visions and Voices on Emerging Challenges in Digital Business Strategy. *MIS Quarterly*, 37(2), 633–661. <https://doi:10.25300/MISQ/2013/37.2.14>
- Cooney, T. (2012). Reducing Recidivism through Entrepreneurship Programmes in Prisons. *Entrepreneurship and Innovation*, 13(2), 125-133. <https://doi.org/10.5367/ijei.2012.007>
- Chan Yuen Fook. 1999. Teknologi Maklumat dalam Pendidikan di Malaysia. *Konvesyen Teknologi Pendidikan ke-12*. Port Dickson. PTPM
- Ciptono, W.S., Anggadwita, G. & Indarti, N. (2023). "Examining prison entrepreneurship programs, self-efficacy and entrepreneurial resilience as drivers for prisoners' entrepreneurial intentions", *International Journal of Entrepreneurial Behavior & Research*, 29(2), 408-432. <https://doi.org/10.1108/IJEER-06-2022-0550>.
- Devito, J. A. (2013). *The interpersonal communication book* (13th ed.). Longman
- Dimitriadis, S. & Koning, R. (2022). Social skills improve business performance: Evidence from a randomized control trial with entrepreneurs in Togo. *Management Science*. <https://doi.org/10.1287/mnsc.2022.4334>.
- Djervida, R., Mirčetić, V., & Radosavac, A. (2020). Business Communication in Entrepreneurship. *PaKSoM Virtual International Conference Path to a Knowledge Society-Managing Risks and Innovation at Niš, Serbia*. [https://www.researchgate.net/publication/353322573\\_Business\\_Communication\\_in\\_Entrepreneurship](https://www.researchgate.net/publication/353322573_Business_Communication_in_Entrepreneurship).
- Faradillah, I. O., Ummi, M.S. M., Mawar, M.Y. & Nor Azlili, H. (2022). Penggunaan ICT Sebagai Medium Komunikasi Perniagaan Usahawan B40: Satu Kajian Rintis. *e-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*. 9(1), 152-166. <https://doi:10.53840/ejpi.v9i1.73>
- Faradillah, I.O. & Samsudin, A.R. (2015). Penyertaan digital dan ciri keusahawanan dalam pemerksaan usahawan wanita di Malaysia. *Jurnal Komunikasi*, 31(1), 241-256. <https://doi:10.17576/JKMJC-2015-3101-13>
- Fauziah I., Ezarina, Z, Wan Shahrazad, W.S., Mohammad R., K. & Sheerad, S. (2023). *Laporan Akhir Geran Penyelidikan FRGS: Pembentukan Model Personaliti dan Kemahiran Keusahawanan untuk Bekas Banduan*. UKM.
- Fauziah I., Ezarina, Z, Wan Shahrazad W.S., Mohammad R., K. & Sheerad, S. 2016. Ciri-Ciri Keusahawanan Dalam Kalangan Banduan Parol: Ke arah Penyediaan Modul Kemahiran Pengurusan Keusahawanan di Jabatan Penjara Malaysia. *eBangi, Journal of Social Sciences and Humanities*, 11(1), 91-105. <http://ejournal.ukm.my/ebangi/issue/view/809>

- Goodstein, J. (2019). Firms, ex-offenders, and communities: A stakeholder capability enhancement perspective. *Business Ethics Quarterly*, 29(4), 491-518. <https://doi.org/10.1017/beq.2018.48>
- Gunelius, S. (2011). *30-minute Social Media Marketing: Step by Step Techniques to Spread the Words about your Business*. McGraw-Hill, USA.
- Hussain A., M., Siddiqi, A. & Ain A. R. (2011). Role of Effective Communications for Enhancing Leadership and Entrepreneurial Skills in University Students. *International Journal of Business and Social Science*, 2(10), 242-250. <https://doi.org/10.24191/jcrinn.v6i4.236>
- Islam, N. & Ozuem, W. (2019). The impact of social media on social entrepreneurship in a developing country. *UK Academy for Information Systems Conference Proceedings*, 46. Oxford, United Kingdom.
- Ike, T. J., Jidong, D. E., Ike, M. L., & Ayobi, E. E. (2023). Public perceptions and attitudes towards ex-offenders and their reintegration in Nigeria: A mixed-method study. *Criminology & Criminal Justice*. <https://doi.org/10.1177/17488958231181987>
- Ji, Y. G., Chen, Z. F., & Men, L. R. (2022). Carving start-up character: Effects of symmetrical communication on start-up corporate character, customer-start-up identification, and customer advocacy. *International Journal of Strategic Communication*, 16(2), 239-254. <https://doi.org/10.1080/1553118X.2021.2014502>
- Kalogiannidis, S. (2020). Impact of effective business communication on employee performance. *European Journal of Business and Management Research*, 5(6), 1-6. <https://doi.org/10.24018/ejbmr.2020.5.6.631>
- Kane, K. (1993). MBA: A Recruiter's Eye-View. *Business Horizons*. 36, 65-68. [https://doi.org/10.1016/S0007-6813\(05\)80106-5](https://doi.org/10.1016/S0007-6813(05)80106-5)
- Kriz, K. & Qureshi, S. (2009). The Role of Policy in the Relationship between ICT Adoption and Economic Development: A Comparative Analysis of Singapore and Malaysia. *GlobDev*. <https://aisel.aisnet.org/globdev2009/13>
- Lailawati, M.S. & Sidek, M.N. (2000). The Importance of Oral Communications Among UPM Business Students. *Pertanika Journal of Social Sciences and Humanities*. 8(1), 19-25. <http://psasir.upm.edu.my/id/eprint/3305>.
- Lim, Y. S., & Park, H. W. (2011). How do congressional members appear on the web? Tracking the web visibility of South Korean politicians. *Government Information Quarterly*, 28(4), 514-521. <https://doi.org/10.1016/j.giq.2011.02.003>
- Maes, J., T. Weld & M. Icenogle. (1997). A Managerial Perspective: Oral Communication Competency is Most Important for Business Students in the Workplace. *The Journal of Business Communication*. 34, 67-80. <https://doi.org/10.1177/00219436970340010>
- Melissa, E., Hamidati, A., Saraswati, M., & Flor, A. (2015). *The internet and Indonesian women entrepreneurs: Examining the impact of social media on women empowerment*. Springer. [https://doi.org/10.1007/978-981-287-381-1\\_11](https://doi.org/10.1007/978-981-287-381-1_11)
- McGloin, R. Saxton, A., Rao, A., Hintz, E., Coletti, A., Hamlin, E., Turner, M & Mathieu, J. (2023). Examining the Importance of Developing Entrepreneurial Communication Skills in Accelerator Programs: A Focus Group Based Approach. *Entrepreneurship Education and Pedagogy*, 1-26. <https://doi.org/10.1177/25151274231183>
- Michaelidou, N., Siamagka, N. T., & Christodoulides, G. (2011). Usage, barriers and measurement of social media marketing: An exploratory investigation of small and medium B2B brands. *Industrial Marketing Management*, 40(7), 1153 – 1159. <https://doi.org/10.1016/j.indmarman.2011.09.009>
- Mohd Zaidi, M. & Bahiyah O. (2017). Motif dan Kekerapan Penggunaan Facebook Dalam Kalangan Pelajar Universiti. *Jurnal Komunikasi*, 29(1), 35-54. <http://eprints.usm.my/id/eprint/35403>
- Morgan, A., Colebourne, D., & Thomas, B. (2006). The development of ICT advisors for SME businesses: An innovative approach. *Technovation*, 26(8), 980-987. <https://doi.org/10.1016/j.technovation.2005.09.001>

- Muhammad, K., A., Mahir, S., H & Dina, A.J. (2019). Communication Skills in Practice. *International Journal of Learning, Teaching and Educational Research* 18(6), 1-19. <https://doi.org/10.26803/ijlter.18.6.1>
- Muhammad, F. (2018). Characteristic of information and communication technology (ICT) innovation. *Jurnal Komunikasi*, 34(3), 379-391. <https://doi.10.17576/JKMJC-2018-3403-23>
- Mohd Syamezie, R., Nursyahfika, M.Y., Shufirahziana, T., Mohd Fauzi, H. & Caroline, G. (2021). Factors that Influence Successful Online Business among Students in University Malaysia Sabah. *Malaysian Journal of Business and Economics*, 8(2), 27-42. <https://doi.org/10.51200/mjbe.vi.3661>
- Moritz, A., Naulin, T., & Lutz, E. (2022). Accelerators as drivers of coopetition among earlystage startups. *Technovation*, 111(1), 102378. <https://doi.org/10.1016/j.technovation.2021.102378>
- Noor Afzaliza, N.T. & Maizatul, H. M. (2021). Keterampilan Peribadi Pelajar sebagai satu bentuk Kemahiran Komunikasi dan Kepentingannya Dalam Pasaran Dunia Pekerjaan. *Jurnal Komunikasi*, 37(1), 209-226. <https://doi.org/10.17576/JKMJC-2021-3701-12>
- Nor Aini, I. (2003). Daya saing usahawan wanita Melayu menghadapi cabaran globalisasi. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan & Persekitaran "Cabaran Pembangunan Dilema Persekitaran*, 12-13 September 2003, UKM, Bangi. <https://iyres.gov.my/jdownloads/kertaskerja/daya-saing-usahawan-wanita-melayu-menghadapi-cabaran-globalisasi-.pdf>
- Nur Ajeerah, O., Faradillah, I. O. & Mohd Azul, M.S. (2017). Keperluan Afektif Penggunaan ICT Dalam Perniagaan: Kajian Terhadap Usahawan Wanita Melayu. *4 th International Research Management & Innovation Conference (IRMIC 2017)*. Institut Latihan Malaysia (ILIM) Bangi. <https://doi.10.13140/RG.2.2.27032.08969>
- Nur Anira, A., Suraiya, T., Ahmad R., C.O. & Azima, A. M. 2023. Hubungan Kompetensi Keusahawanan, Orientasi Keusahawanan Individu dan Prestasi Perniagaan Belia. *eBangi: Journal of Social Sciences and Humanities*, 20(2), 115-126. <https://doi.10.17576/ebangi.2023.2002.11>
- Nussabaum, J.F. & William, A. (2007). *Intergenerational Communication Across The Life Span*. Lawrence Erlbaum Assoc. Inc.
- Nadia F., H. & Norasmah, O. (2020). Kemahiran Keusahawanan dan Kemahiran Kendiri Usahawan Luar Bandar. *Jurnal Dunia Perniagaan*, 2(4). <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdnpn/article/view/11560>. (20/9/21)
- Stieglitz, S., Mirbabaie, M., Ross, B., & Neuberger, C. (2018). Social media analytics—Challenges in topic discovery, data collection, and data preparation. *International Journal of Information Management*, 39, 156–168. <https://doi:10.1016/j.ijinfomgt.2017.12.002>
- Salpiah, S. (2017). *Model Kompetensi Kehidupan Usahawan Wanita Luar Bandar Dan Kualiti Hidup*. [Tesis PhD, Universiti Kebangsaan Malaysia].
- Salwani, D. & Mohd Safarin, N. 2023. Elemen Pelaksanaan Pendidikan Keusahawanan dalam Program Latihan Kemahiran TVET: Suatu Penelitian Terhadap Masalah dan Cabaran. *eBangi: Journal of Social Sciences and Humanities*, 20(3), 96-114. <https://doi:10.17576/ebangi.2023.2003.09>
- Secundo, G., Del Vecchio, P., & Mele, G. (2020). Social media for entrepreneurship: Myth or reality? A structured literature review and a future research agenda. *International Journal of Entrepreneurial Behaviour & Research*, 27(1), 149–177. <https://doi:10.1108/IJEBr-07-2020-0453>
- Sheppard, A. & Ricciardelli, R. (2020). Employment after prison: Navigating conditions of precarity and stigma. *European Journal of Probation*, 12(1),34-51 <https://doi.org/10.1177/206622032090825>
- Siti Haniah, R. (2015). *Garis panduan dan etika e-dagang bagi produk fizikal menurut perspektif Syariah*. [Tesis PhD. Universiti Teknologi Malaysia].
- Siti Noradilah, Z., Fauziah, I., Ezarina, Z., Wan Shahrazad, W.S., Mohammad R., K. & Sheerad, S. (2024). Hubungan antara motivasi dan Kemahiran keusahawanan dalam kalangan banduan parol di Malaysia. *Malaysia Journal of Social Sciences and Humanities*, 8(8), 1-10. <https://doi:10.47405/mjssh.v8i8.2479>.

- Suriatie, M.Y. & Nor A.B. (2017). Pendekatan penggunaan medium e-pemasaran dalam kalangan usahawan wanita. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE)*, 1(1), 47–57. <http://gbse.my/v1no1jan17/Paper-6-BM-.pdf>
- Suriyani, M., Noraida, A., Masita, A.J, Mustafa, M & Suhari, K. (2017). A Sustainable E-Business Model for Rural Women: A Case Study. *Journal of Sustainability Science and Management*, Special Issue (3), 165- 178. <https://jssm.umt.edu.my/wp-content/uploads/2020/05/Chapter-15-SI3.pdf>
- Sonfield, M. C. (2009). Entrepreneurship and Prisoner Re-entry. A Role of Collegiate Schools of Business. *Small Business Institute Journal*. 4, 67-82. [https://www.hofstra.edu/pdf/academics/colleges/zarb/mgmt/mgmt\\_facbio\\_sonfield.pdf](https://www.hofstra.edu/pdf/academics/colleges/zarb/mgmt/mgmt_facbio_sonfield.pdf)
- Rosemary, R., & Taylor, M. (2018). The decision to disclose: Employment after prison. *Journal of Offender Rehabilitation*, 57(6), 343-366. <https://doi.org/10.1080/10509674.2018.1510866>
- Tubbs, S.L. & Moss, S. 2003. *Human Communication: Principles and Contexts*. 9th Ed. McGraw-Hill.
- Triyaningsih, S. L. (2012). Strategi Pemasaran Usaha Kecil dan Menengah. *Jurnal Ekonomi dan Kewirausahaan*, 12(1), 37-46. <https://doi:10.19184/jpe.v13i1.10432>